

# PERAU BANGKONG SEBAGAI ALAT PERANG IBAN: SATU ANALISIS MATERIAL BUDAYA

*(Perau Bangkong as an Iban Weapon of War: A Cultural Materials Analysis)*

Gregory Kiyai @ Keai<sup>1</sup>  
gregory\_kiyai@yahoo.com

Noria Tugang<sup>2</sup>  
tnoria@unimas.my

City Graduate School, City University Malaysia, 46100 Petaling Jaya Malaysia.<sup>1</sup>

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.<sup>2</sup>

Pengarang koresponden (*Corresponding author*): <sup>1</sup>

Rujukan artikel ini (*To cite this article*). Gregory Kiyai @ Keai & Noria Tugang. (2023). *Perau bangkong* sebagai alat perang Iban: Satu analisis material budaya. *Melayu Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(2), 185–208. [https://doi.org/10.37052/jm.16\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/jm.16(2)no2)

Peroleh: <i>Received:</i>	29/3/2023	Semakan: <i>Revised</i>	24/5/2023	Terima: <i>Accepted:</i>	9/6/2023	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	5/7/2023
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	----------	--	----------

## Abstrak

Masyarakat Iban di Sarawak secara fitrahnya merupakan masyarakat agrarian dan tidak mengamalkan budaya maritim dalam corak kehidupan mereka. Namun begitu, pengaruh amalan ngayau yang dilakukan secara turun-temurun telah menjadikan mereka menguasai lautan menggunakan *perau bangkong* dalam melakukan ekspedisi perang. *Perau bangkong* ialah simbol keberanian dan identiti budaya dalam masyarakat Iban. Peperangan yang berlaku dalam kalangan etnik Iban, atau dengan kumpulan etnik yang lain seperti etnik Melayu, Bidayuh, Urang Ulu dan tentera Brooke sehinggalah ke penempatan masyarakat Dayak dan Banjar di Kalimantan telah menjadikan *perau bangkong* menjadi terkenal dan ditakuti di Pulau Borneo pada ketika itu. Objektif kajian adalah untuk memberi kefahaman dan pengetahuan tentang kebudayaan *perau bangkong*. Penyelidikan ini adalah berbentuk etnografi yang menggunakan kaedah kualitatif dalam pengumpulan datanya. Dapatan kajian

mendapati bahawa *perau bangkong* mempunyai sejarah yang signifikan dalam legasi sejarah masyarakat Iban di Sarawak. Walaupun, kini masyarakat Iban tidak mengamalkan adat *ngayau* namun cerita dan inspirasi dalam perjuangan *perau bangkong* mempunyai semangat dalam pembentukan jati diri masyarakat tersebut dalam kebudayaan dan kesenian nenek moyang mereka. Signifikan penyelidikan ini dapat mengarkibkan dan membentuk kefahaman melalui objek budaya *perau bangkong* serta meraikan kepelbagaian dalam kebersamaan budaya rakyat Malaysia.

Kata kunci: Budaya, Iban, material budaya, objek perang, *perau bangkong*, arkib

### ***Abstract***

*The Iban community in Sarawak is an agrarian community and does not practice maritime culture in their lifestyle. However, the influence of ngayau practices that have been carried out for generations has enabled them to dominate the ocean using perau bangkong in carrying out war expeditions. The perau bangkong is a symbol of courage and cultural identity in the Iban community. The wars that took place among the Iban ethnic group, or with other ethnic groups such as the Malay, Bidayuh, Urang Ulu and the Brooke army up to the settlement of the Dayak and Banjar communities in Kalimantan have made the perau bangkong famous and feared on the island of Borneo at that time. The objective of this study is to provide an understanding and knowledge about the culture of perau bangkong. This research is in the form of ethnography that uses qualitative methods in its data collection. The findings of the study indicate that perau bangkong has a significant history in the historical legacy of the Iban community in Sarawak. Even though the Iban community no longer practice the ngayau custom, the story and inspiration in the struggle of perau bangkong has spirit in the formation of the community's identity in the culture and art of their ancestors. The significance of this research is that it can archive and form an understanding through perau bangkong cultural objects as well as celebrate diversity in the cultural togetherness of Malaysians.*

*Keywords: Culture, Iban, cultural material, war object, perau bangkong, archive*

## **PENDAHULUAN**

Umumnya telah dipersetujui oleh para sarjana bahawa Homo Sapiens menyebarkan dari Afrika ke Asia (tiba di Nusantara sekitar 80–60 ribu tahun SM) dan ke Australia sekitar 60 sehingga 50 ribu tahun SM. Namun begitu, yang masih menjadi perdebatan ialah jalur migrasi Asia ke pulau-pulau di Lautan Pasifik dan Asia ke Australia. Oppenheimer (2003) menyatakan bahawa migrasi kumpulan masyarakat Austronesia merujuk kepada rumpun manusia yang tinggal di dataran

Asia Tenggara, yang bermula dari Utara ke Asia, Taiwan lalu berpecah ke timur Pasifik dan selatan Nusantara. Jalur migrasi ke timur Nusantara meliputi kawasan di Borneo, Semenanjung Malaya, Sulawesi dan Kepulauan Filipina dan ke utara menelusuri kawasan Papua, Pasifik (Polynesia), Hawaii (di utara) dan New Zealand di Selatan (ini adalah merujuk kumpulan Moari) (Bellwood, 1991; Tabrani, 2014; Kiyai, 2021). Kawasan Asia Tenggara sangat dipengaruhi oleh pencairan ais, iaitu sejak 8000 tahun lalu, air laut di sekitar Asia Tenggara telah dianggarkan naik sehingga 150 m yang telah menyebabkan banjir besar dan menenggelamkan banyak dataran tanah rendah di Asia Tenggara. Kejadian ini telah menyebabkan masyarakat yang tinggal di kawasan tanah datar berpindah ke kawasan tanah tinggi bercampur dengan penduduk di kawasan tersebut lalu membangunkan kebudayaan bersama-sama (Harrison, 1996; Kiyai, 2021).

Migrasi ini telah menjadikan lautan sebagai jaringan lebuhraya yang sekali gus telah memobilisasikan perkembangan teknologi perahu dalam budaya maritim masyarakat di Asia Tenggara sejak zaman prasejarah lagi. Perkara ini dapat dibuktikan dengan beberapa penemuan hasil daripada peninggalan masyarakat prasejarah yang memaparkan imej perahu dalam lukisan gua. Contohnya seperti di Gua Mardua Kalimantan dan Gua Kain Hitam di Niah Sarawak (Setiawan, 2010; Kimwah et al., 2020).

Melalui penemuan lukisan gua tersebut telah memberikan gambaran khusus bahawa perahu merupakan pengangkutan tradisional yang terawal wujud dalam sistem pengangkutan tradisional masyarakat di Asia Tenggara sebelum diperkenalkan dengan pengangkutan yang lebih moden seperti kapal wap semasa era revolusi perindustrian di Eropah pada akhir abad ke-18 (Muhammad Nasron, 2021). Sejak dahulu lagi, masyarakat Austronesia yang tinggal di kawasan Asia Tenggara telah menggunakan perahu candik sebagai jaringan pengangkutan utama untuk bergerak ke sesebuah kawasan. Khususnya manusia Austronesia yang telah menguasai teknik belayar menggunakan angin monsun (Mohd Nasrulmiazam & Asyaari, 2018). Perkembangan teknologi perahu menjadi semakin pesat apabila wujudnya pelaut dan pedagang yang datang berdagang ke Nusantara terutamanya pedagang dari negara China, India, Timur Tengah dan Eropah untuk mendapatkan rempah ratus, sarang burung, hasil hutan seperti rotan, damar dan kayu manis serta spesies burung enggang. Kepesatan perdagangan telah mewujudkan pelabuhan mega seperti di Jolo, selatan Filipina semasa era Kesultanan Sulu, Trowulan semasa era Majapahit di Pulau Jawa, dan pelabuhan di kota Melaka (Gerke & Evers, 2011; Ali, 2014; Khasanah, 2017).

Penggunaan perahu dalam budaya maritim di Borneo telah dikenal pasti sejak penemuan lukisan gua di Gua Kain Hitam di Niah, Miri Sarawak. Sebelum melihat

bagaimana perahu wujud dalam pensejarahan di perairan Borneo, adalah lebih baik untuk mengimbuai kembali bentuk geografi di Niah, Sarawak sekitar 40 ribu tahun berdasarkan penemuan rangka manusia awal di tapak tersebut (Curnoe et al., 2016). Menurut Harrison (1964) dalam Kimwah dan Baharudin (2021) berdasarkan sejarah geomorfologi di Gua Niah, kawasan tersebut telah terdedah pada alam sekitar sejak zaman Glasier Akhir lagi berdasarkan ekskavasi yang telah dijalankan di bahagian *West Mouth*, Gua Niah. Berdasarkan pentarikhan karbon 14 menjelaskan bahawa terdapat lapisan tanah seusia Period Pertama Glasier Akhir. Keadaan ini membuktikan bahawa masyarakat prasejarah telah mendiami dan membangunkan kebudayaan dalam gua tersebut selama ribuan tahun sehinggalah ke zaman Neolitik.

Melalui penemuan dalam penyelidikan telah menjumpai beberapa jenis lukisan yang menunjukkan visualisasi penggunaan perahu dalam kebudayaan masyarakat awal serta beberapa buah relik kayu yang menyerupai keranda perahu dan dipercayai dalam adat pengebumian yang bersifat animisme dalam kepercayaan masyarakat prasejarah. Berdasarkan lukisan gua yang disebut oleh Tom Harrison sebagai *emerging tree* daripada dasar perahu menggambarkan bahawa manusia awal telah menghubungkan kepercayaan terhadap perjalanan selepas kematian, iaitu pelayaran dalam menuju alam selepas mati. Imej yang terdapat dalam gua tersebut mempunyai hubung kait dengan penemuan artifak keranda kayu yang berbentuk perahu. Hal ini membuktikan bahawa perahu tidak hanya berfungsi sebagai pengangkutan, namun memiliki unsur budaya yang sakral dalam budaya awal manusia di Niah (Kimwah, et al., 2018).

Secara amnya, Dayak Laut (*Sea Dayak*) atau lebih dikenali sebagai masyarakat Iban tidaklah menjadikan maritim sebagai budaya kehidupan mereka seperti orang-orang Iranun dan Balangingi di Kepulauan Sulu. Mereka merupakan masyarakat agraria yang mengamalkan pertanian pindah dan aktiviti pemburuan kepala (Ismail, 2013). Menurut Dickson (1956) dan Sandin (1967) budaya melanun dalam masyarakat Iban bukanlah diwarisi daripada nenek moyang mereka melainkan dipengaruhi oleh adat Bejalai yang diamalkan oleh etnik tersebut. Mereka percaya bahawa adat Bejalai merupakan sebuah perjalanan spiritual bagi kaum lelaki Iban untuk mencari identiti diri mereka sebagai seorang lelaki dan pahlawan (Kedit, 1987).

Selain itu, pengaruh daripada kuasa luar terutamanya mantan pembesar Brunei dan pembesar Melayu di Sarawak. Faktor utama yang menyebabkan pemimpin Melayu dan Brunei berminat untuk mengambil *Sea Dayak* (Iban) sebagai pengikut mereka adalah disebabkan masyarakat tersebut memiliki kekuatan dan teknik perang yang luar biasa, berani dalam menghadapi musuh, mampu beradaptasi dengan apa-apa juga jenis persekitaran, tahan lasak, setia dan tidak memiliki keinginan yang

materialistik terhadap harta benda serta hamba (Sabihah, 1972; Kiyai, 2022). Secara tidak langsung, menjadikan orang Iban sebagai pengikut sememangnya memberi keuntungan yang besar kepada pembesar Melayu dan Brunei ketika itu. Masyarakat Iban pula berminat untuk menyertai kegiatan lanun pada masa dahulu bukanlah disebabkan untuk permintaan perniagaan atau hasil dagang tetapi lebih bertujuan untuk memenuhi sebahagian daripada sosiobudaya mereka yang telah diamalkan sejak turun-temurun, iaitu mengembara dan memburu kepala manusia atau dikenali sebagai ngayau (Kiyai, 2021).

Menurut Grassby (2005) dan Hides (2013) dalam konseptual identiti budaya, material budaya merupakan suatu keperluan yang terbentuk daripada keperluan sosial hidup masyarakatnya. Realiti sosial ini perlu distrukturkan untuk difahami dan dilihat sama ada berkomunikasi melalui perkataan atau perwakilan visual. Perkara ini disebabkan oleh sistem budaya bergantung pada metafora dan simbolisme, kerana apabila bahasa literal gagal difahami maka orang akan mengekspresikan idea melalui metafora analogi. *Perau bangkong* dalam konteks ini merupakan material budaya masyarakat Iban yang telah pupus dalam khazanah warisan mereka, terutamanya dari segi fungsi, kearifan tempatan, idea dan falsafah budayanya serta estetika seninya. Keadaan ini berlaku sejak Brooke menghentikan amalan pemburuan kepala dalam operasi penghapusan lanun dalam kalangan *Sea Dayak* pada tahun 1840, dan tragedi Perang Beting Marau 1849 yang mengorbankan beribu-ribu nyawa orang Iban dari Saribas dan Skrang (Mundy, 1848; Payne, 1991). Namun begitu, bersempena dengan pembukaan Borneo Museum Culture (BMC) pada awal 2022 yang lalu telah memberikan impak yang signifikan dalam pembangunan budaya dan warisan di negeri Bumi Kenyalang, Sarawak. Muzium pertama yang terbesar di Pulau Borneo dan kedua terbesar di Asia Tenggara selepas *National Museum of Singapore* menjadi mercu tanda baharu bagi negeri ini. Sehubungan dengan itu, sebuah artifak perang milik masyarakat Iban, iaitu *Perau bangkong* dipamerkan kepada umum bersempena dengan pembukaan muzium ini. Secara tidak langsung hal ini menjadi kebanggaan buat masyarakat Iban, dan atas keprihatinan Kerajaan Negeri Sarawak yang menghargai budaya perang dalam kumpulan etnik Dayak laut (*Sea Dayak*) tersebut. Oleh itu, melalui penyelidikan diharapkan untuk mengkonservasi dan mengarkibkan pengetahuan berkaitan dengan objek budaya perang masyarakat Iban, iaitu *perau bangkong*.

## PERANAN PERAHU DALAM LOGISTIK PERANG

Kekuatan dan kemasyhuran sesebuah empayar atau kuasa penakluk yang besar seperti Rom, Yunani, dan Mogul pada suatu masa dahulu dalam arena perang

bukanlah hanya bersandarkan kekuatan bala tentera dan strategi perang semata-mata. Namun begitu, perkara ini turut melibatkan logistik perang yang canggih dan tahan tempur untuk menjadikan mereka berkuasa dan berjaya menakluki dunia. Dalam aspek ketenteraan, perhatian khusus haruslah diberikan pada kekuatan dan keupayaan bala tentera, strategi peperangan, teknik peperangan dan logistik yang digunakan dalam perang haruslah bergerak selari untuk menjadi kuasa penakluk yang hebat dan digeruni pihak lawan.

Umumnya, sejak dahulu lagi peperangan merupakan salah satu kegiatan manusia yang meliputi pelbagai ideologi dari sudut kehidupan manusia. Kita perlu menyedari bahawa kehidupan manusia sejagat ialah kehidupan dengan fahaman dan ideologi yang berbeza-beza. Perkara ini sedikit sebanyak telah mewujudkan konflik antara negara-negara yang mempunyai fahaman yang berbeza. Selain itu, peredaran zaman yang seusia dengan perkembangan tamadun telah menuntut manusia untuk berjuang bagi mempertahankan negara melalui peperangan (Wan Rosli & Norhanizah, 2006). Dalam konteks sejarah bangsa, elemen pertempuran, pertahanan dan keselamatan mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan peperangan. Buktinya sesebuah tamadun seperti empayar Mogul yang dipimpin oleh Genghis Khan telah mejadi sebuah kuasa yang sangat mahsyur pada abad ke-13 sehingga abad ke-14. Penaklukan kuasa Genghis Khan meliputi wilayah Afghanistan, Timur Tengah, China, Asia Tengah, Asia Timur (kecuali Jepun), Georgia, Ukraine, Poland, Hungary sehingga ke wilayah Bulgaria. Empayar ini mengukuhkan ketamadunannya melalui peperangan (Asmoro et al., 2021).

Dalam terminologi tentera, terma logistik didefinisikan sebagai perkara yang meliputi perolehan, senggaraan dan pengangkutan material, kemudahan dan kakitangan (Webster, 1993). Definisi logistik secara jelas telah diberikan oleh Laporan Tenikal Tentera Udara USA ialah sebuah rancangan dan pelaksanaan senggaraan tentera. Aspek aktiviti yang melibatkan proses penyimpanan, pergerakan, agihan material, kakitangan dan kemudahan (Skoglund, 2012). Idea ini mula dikemukakan oleh Jeneral A.H Jomini pada tahun 1779 sehingga 1869 dalam karyanya, *Summary of Arts of War* yang diterbitkan di Paris. Kandungan buku tersebut mengandungi enam bab yang membincangkan secara menyeluruh tentang logistik dan *Art of Moving Armies*. Beliau memberikan definisi logistik sebagai sebuah lokasi dan membekalkan barangan, merancang dan merealisasikan barisan ketenteraan, wadah untuk merancang dan membentuk strategi, mengatur alat pengangkutan dan membekalkan bala tentera. Beliau memberikan iktibar dalam penulisannya dengan menyoroti kekalahan Napoleon dalam kempen Rusia adalah berkaitan dengan masalah logistik yang memandang rendah peranan pengangkutan dan organisasi pangkalan serta perkhidmatan kebersihan yang sangat teruk. Oleh

itu, beliau telah mentakrifkan bahawa logistik sebagai sebuah seni pragmatik pergerakan dan bekalan tentera, pengangkutan, pembinaan jalan raya dan lokasi tentera simpanan dan bekalan tentera (Christopher, 2016).

Dalam konsep bantuan material, logistik memainkan peranan penting untuk memobilisasi kekuatan sesebuah unit ketenteraan. Kegagalan bantuan logistik akan menyebabkan gagalnya sesuatu operasi ketenteraan. Menurut Kane (2012) berdasarkan idea Henry Eccles pada tahun 1981 mengatakan kemantapan latihan para tentera dalam perang, peralatan yang moden dan canggih, semangat ahli yang penuh patriotisme, serta strategi perang yang bagus masih tidak dapat menjamin kejayaan sesebuah operasi ketenteraan tanpa bantuan logistik secara berterusan. Hal ini adalah disebabkan oleh sifat manusia, iaitu merujuk bala tentera mempunyai keupayaan yang terhad untuk membawa dan memunggah semua peralatan perang dalam suatu tempoh masa yang lama. Perkara ini turut diungkapkan oleh *Field Marshall Lord Wavell* dalam penulisan BDH (1984) semasa mendokumentasi pengalamannya daripada veteran perang di USA:

*The more I have seen the war, the more I realized how it all depends upon administrative and transportation. It takes little skills or imagination to see where you would like your army and when: it take much knowledge and hard work to know where you can place your forces and weather you can maintain them there.*  
(Sumber: BDH,1984:10)

Sejak zaman pertengahan, kapal perang yang diperbuat daripada kayu merupakan logistik penting untuk memobilisasi operasi penjajahan dan peperangan kuasa-kuasa besar di dunia. Contohnya, Perang Preveza, iaitu pertempuran di laut Lonia pada 28 September 1583. Pertempuran ini merupakan perang dua hala antara Greece dan armada Uthmaniyah dengan tentera Kristian yang diasaskan oleh Pope Paul III dan merupakan peperangan yang terbesar dalam sejarah tempur laut di Mediterranean. Peperangan ini telah menggunakan kapal perang yang diperbuat daripada kayu sebagai logistik perang dan telah memberikan kemenangan kepada bala tentera Uthmaniyah (Palli, et al., 2016). Selain itu, kita melihat kepada kekuatan armada Korea Tenggara yang dipimpin oleh laksamana perang yang masyhur, iaitu Yi Sun-Shin. Laksamana Yi Sun-shin merupakan seorang wira Korea pada zaman dinasti Joseon yang terkenal pada hari ini kerana jasanya memenangi banyak pertempuran semasa perang Imjin antara tahun 1592 hingga 1598. Salah satu legasi Yi-Sun-Shin yang terkenal ialah kapal perangnya yang ikonik, iaitu Kapal Perang Penyus (Septiasari, 2019).

## **METODOLOGI**

Makalah ini membincangkan peranan *perau bangkong* sebagai material budaya peribumi yang menonjolkan estetika seni dan idea *perau bangkong* sebagai simbol identiti dalam masyarakat Iban, dan signifikannya *perau bangkong* kepada sejarah masyarakat Iban di Sarawak. Penyelidikan ini sangat penting untuk menyingkap dan membingkakan budaya, ideologi orang Iban dalam penggunaan *perau bangkong* serta kemahiran mereka di medan perang pada masa lalu. Selain itu, penyelidikan ini memainkan peranan penting untuk mendokumentasi objek budaya masyarakat peribumi di Malaysia Timur, amnya orang Iban dalam konteks kebudayaan dan kesenian nasional. Reka bentuk penyelidikan ini adalah bersifat etnografi yang menggunakan kaedah kualitatif secara deskriptif dan memfokuskan material budaya milik masyarakat Iban, iaitu perahu bangkong. Menurut Nazaruddin Ali dan A. Razak (2020) berdasarkan Hanson et al. (2005) menyatakan bahawa kaedah etnografi merupakan kajian kualitatif untuk menerangkan, menganalisis dan menginterpretasi bentuk perkongsian budaya sesuatu kumpulan seperti tingkah laku, kepercayaan, bahasa, ekonomi, struktur politik, interaksi, kehidupan dan gaya dalam perhubungan. Penyelidik telah membuat kerja lapangan dan pemerhatian di Muzium Sarawak untuk melihat dan menilai objek budaya Iban, iaitu *perau bangkong*, bagi mempertalikan elemen kesenian dan kebudayaan. Hasil daripada kerja lapangan ini dirangkumkan melalui proses dokumentasi dan tematik analisis sebagai sebuah penerbitan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Asal Usul *Perau Bangkong***

Nama *bangkong* dipercayai berasal daripada perkataan *wa*, *wangka*, *wangga* atau *bangka* dalam laras penutur Austronesia yang membawa makna perahu bercadik atau perahu kecil. Penggunaan perahu candik dalam aktiviti maritim masyarakat di Asia Tenggara telah lama wujud sejak ribuan tahun lampau, contohnya dalam budaya maritim masyarakat Jawa di Indonesia. Kewujudan kapal candik Borobudur telah wujud sejak abad yang kelapan di pulau Jawa. Tujuannya adalah untuk menampung kegunaan aktiviti maritim seperti pelayaran dan perdagangan rempah ratus di sekitar kepulauan Nusantara. Begitu juga dengan masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia, pengaruh penciptaan dan penggunaan perahu candik banyak dipengaruhi oleh warisan budaya dan sejarah yang pernah berlangsung dalam masyarakatnya suatu ketika dahulu. Dalam falsafah budaya masyarakat Melayu terutamanya di



kawasan pantai timur, iaitu Terengganu dan Kelantan, penggunaan sumber kayu dalam pembuatan artifak budaya seperti perahu dan peralatan menangkap ikan adalah sebagai satu penghormatan; kepada apa-apa yang disebut sebagai “semangat kayu”. Penciptaan artifak budaya daripada kayu ini juga merupakan suatu langkah untuk menjaga keharmonian hubungan alam dan manusia (Mohd Nasrulamiazam & Asyaari, 2018).

Reka bentuk dan penggunaan perahu candik ini dihasilkan berdasarkan kecenderungan kebudayaan masyarakatnya. Contohnya, dalam kebudayaan maritim masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia terutamanya di Terengganu dan Kelantan yang masih mengekalkan kebudayaan tersebut dengan menekankan pengaruh Islam dan Hindu Buddha dalam reka bentuk seni dalam pembuatan perahunya. Menurut Farish dan Khoo (2003) kegiatan menghasilkan kraf berasaskan kayu telah lama bertapak di alam Melayu sebelum kedatangan Islam, iaitu sekitar abad ke-13. Para pengukir telah menghasilkan simbol dan motif seperti gunung, *kala makara*, naga, *stupa* dan teratai yang berasal daripada konsep animisme dan Hindu Buddha. Simbol ini kemudiannya menjadi seni gunaan dalam material budaya seperti rumah, objek, perahu dan seni bina. Setelah kemasukan Islam, motif telah diubah bersesuaian dengan kepercayaan penduduknya, iaitu lebih dominan kepada motif tumbuhan, geometri dan khat.

### **Peranan Perau Bangkong sebagai Seni, Material dan Idea**

Melalui penelitian kerja lapangan terhadap pameran koleksi dalam Muzium Sarawak, penyelidik telah menganalisis nilai seni, idea dan budaya pada material budaya, iaitu sebuah perahu perang Iban, *perau bangkong*. Berdasarkan sejarah *perau bangkong* pada Rajah 1 ialah milik masyarakat Iban dari Gensurai Layar Betong, Sarawak yang dibeli oleh Tuai Rumah Anding Dundang daripada orang Melayu yang bernama Ate yang tinggal di Sungai Rimbas pada tahun 1912. Perahu tersebut telah dibeli dengan harga 50 *Dolar* perak dan dianggarkan usia perahu tersebut adalah sekitar 110 tahun. Pembelian ini secara tersiratnya menunjukkan telah wujud hubungan yang baik antara masyarakat Iban yang tinggal di Batang Saribas dengan orang Melayu yang menetap di sekitar sungai tersebut (*Suara Sarawak Online*, 2022).

Orang Iban berpendapat, perahu yang dibuat oleh orang Melayu adalah lebih baik dan berkualiti tinggi kerana mereka ini tinggal di kawasan pesisir pantai dan sungai. Jadi secara tidak langsung, kearifan mereka pada ilmu maritim adalah sangat tinggi dan diperakui kehebatannya. Sejak dahulu lagi, orang Melayu memainkan peranan penting sebagai pengantara dalam urusan perdagangan antara orang Iban dan peniaga Cina. Maka disebabkan hubungan itu, telah wujud silang budaya antara

orang Iban dan orang Melayu. Pada tahun 1915, Tuai Rumah Anding telah menerima arahan daripada Rajah Charles Brooke untuk menyertai ekspedisi perang di Bukit Salong, Mujong di bahagian Ulu Batang Rejang. Bagi menyambut pelawaan daripada Rajah Charles, Tuai Rumah Anding telah menyediakan *perau bangkong* sebagai logistik yang digunakan sebagai pengangkutan air dalam ekspedisi tersebut (*Suara Sarawak Online*, 2022).



**Rajah 1** *Perau bangkong*.

Sumber: Kerja lapangan di Muzium Sarawak (2022).




**Rajah 2** Reka bentuk dalaman *perau bangkong*.




Sumber: Kerja lapangan di Muzium Sarawak (2022).

Berdasarkan Rajah 1, *perau bangkong* memiliki ciri-ciri yang unik daripada perahu yang sering digunakan oleh masyarakat maritim atau yang bergantung pada sungai dalam aktiviti sosial. Ciri-ciri yang sangat signifikan yang jelas diperhatikan dalam reka bentuk *perau bangkong* ialah bersaiz panjang, iaitu 35 kaki dan mempunyai lebar, iaitu 4 kaki setengah di hadapan dan belakang kemudi 4 kaki yang dapat memuatkan 27 orang penumpang. Rajah 2 merupakan gambaran rekaan dalaman pada *perau bangkong*. Kedudukan penumpang dalam *perau bangkong* menempatkan seorang di *luan perau* (di hadapan perahu), di bahagian tengah terdiri daripada pasukan pengayuh, pemukul gong, dan ketua perahu. Ketua perahu selalunya dipanggil sebagai *Tuai Kayau* (ketua perang), manakala di bahagian belakang (*kemudi perau*) akan ditempatkan seorang pengemudi yang mahir dan berperanan penting untuk menentukan hala tuju haluan perahu.

Material *perau bangkong* berasaskan bahan semula jadi yang mudah di dapati di kawasan petempatan masyarakat Iban. Bahan alam yang digunakan difahami dan tidak asing oleh kumpulan masyarakatnya kerana material tersebut turut digunakan dalam penciptaan artifak budaya Iban yang lain seperti tekstil, anyaman dan ukiran. Oleh itu, *perau bangkong* ini diklasifikasikan sebagai material budaya yang bersifat organik. Melalui Jadual 1, telah dikenal pasti beberapa bahan alam yang digunakan sebagai bahan asas dalam pembuatan *perau bangkong*, iaitu kayu, buluh dan daun kajang.

**Jadual 1** Material dalam binaan *perau bangkong*.

Bahagian binaan	Material	Kategori
Atap Perahu ( <i>kajang perau</i> ) 	Sejenis tumbuhan berdaun daripada kategori tumbuhan palma, iaitu daun kajang yang telah dikeringkan dan ditusuk menggunakan bilah rotan dan akar kayu untuk dijadikan atap. Fungsinya adalah sebagai pelindung daripada panas dan hujan.	Organik

Bahagian binaan	Material	Kategori
<p>Pelantar (gelegar)</p> 	<p>Buluh dibelah menjadi bilah yang kecil, kemudian diraut dan diikat menggunakan rotan atau akar kayu yang teguh. Tujuannya adalah untuk membina pelantar dalam perahu sebagai tempat duduk dan mengelakkan daripada terkena air yang masuk ke dalam perahu.</p>	<p>Organik</p>
<p>Tubuh perahu</p> 	<p>Asas pembinaan perahu ialah kayu. Selalunya jenis kayu yang digunakan ialah kayu jenis ringan dan mudah terapung seperti kayu meranti, ketapang, kayu engkabang dan kayu nyatuh. Kayu engkabang digunakan untuk membuat dinding perahu kerana tahan lama dan kalis air, manakala kayu nyatuh dikhususkan untuk membuat bahagian perahu yang disebut sebagai <i>langkan</i>.</p>	<p>Organik</p>
<p>Rotan</p> 	<p>Rotan berfungsi sebagai pengikat dan penguat pada asas binaan perahu seperti tiang atap dan lantai perahu. Penggunaan rotan diaplikasikan dalam pembuatan objek budaya Iban adalah disebabkan struktur rotan yang kukuh dan mudah dilentur mengikut bentuk objek.</p>	<p>Organik</p>

Susunan reka letak ruangan dalam *perau bangkong* adalah unik dan menarik serta berbeza dengan binaan perahu panjang yang lain. Reka letak ini dicipta bagi mengikut kesesuaian fungsinya sebagai sebuah logistik perang yang penting bagi masyarakat Iban tradisional dahulu. Melalui penelitian penyelidik, terdapat beberapa elemen

ruangan yang dapat diperhatikan dalam seni bina *perau bangkong*. Pertama, terdapat sebuah tungku atau dapur kecil yang berada di tengah-tengah perahu (rujuk Rajah 3). Tujuannya adalah untuk memasak, menghangatkan badan pada waktu malam serta tempat untuk menyalai kepala musuh yang telah diperoleh semasa ekspedisi ngayau. Di sudut tepi diletakkan beberapa biji tembikar yang sesuai dengan muatan perahu sebagai tempat penyimpanan makanan kepada pahlawan Iban yang turun berperang. Menurut informan Datuk Sri Edmmund Langgu (2019) semasa penerangan beliau tentang budaya memburu kepala masyarakat Iban pada masa dahulu di *Simposium Ngepan Iban* di Betong, Sarawak pada 1 sehingga 2 November 2019 yang lalu mengatakan:

*Dulu kelia, bala bujang berani ka nurun ngayau, sila ngena gayung ti mit dikena nakar asi. Laban nangi ka enda cukup sepemanjai sida nurun ngayau. Sida makai dikena ngering ka isi aja.*<sup>1</sup> (Sumber: Datuk Sri Edmmund Langgu, 2019).



**Rajah 3** Tungku api.

Sumber: Kerja lapangan di Muzium Sarawak (2022).



**Rajah 4** Lekukan *perau bangkong*.

Sumber: Kerja lapangan di Muzium Sarawak (2022).

Kedua, wujudnya pelantar yang dibina melalui bilah buluh sebagai tempat untuk pahlawan Iban duduk dan tidur pada malam hari. Pelantar tersebut disusun secara memanjang bagi membentuk sebuah pentas yang kecil. Tujuannya adalah untuk memberi keselesaan kepada pahlawan Iban agar tidak terkena limpahan air sungai yang masuk melalui celah-celah dinding perahu (rujuk Rajah 5). Sekiranya kaki pahlawan Iban terlalu lama berendam dalam takungan air dalam perahu akan mengakibatkan jangkitan kulat dan melemahkan keupayaan mereka untuk beraksi dalam peperangan. Bahagian tersebut haruslah ditimba setiap masa bagi memastikan kebersihan dan muatan perahu dalam keadaan yang seimbang. Oleh itu, reka letak *perau bangkong* direka berdasarkan keperluan dan fungsinya kepada pahlawan perang Iban.

Dari sudut estetika pada *perau bangkong* terdapat beberapa elemen seni yang agak menonjol untuk dianalisis, iaitu warna dan ukiran. Penggunaan warna yang jelas terlihat dalam *perau bangkong* ialah merah, kuning dan hitam. Ketiga-tiga warna ini mempunyai makna yang sangat signifikan dalam kebudayaan orang Iban kerana warna tersebut mempunyai maksud yang tersirat. Warna merah, kuning dan hitam merupakan warna yang digunakan oleh dewa-dewi di Panggau Libau (dunia kayangan yang dipercayai oleh masyarakat Iban). Warna merah (*mansau*) ialah warna yang diberikan oleh Dewi Kumang untuk melambangkan keberanian dalam diri pahlawan Iban yang berperang. Warna kuning ialah warna yang dianugerahkan oleh Petara Manang Menjaya agar pahlawan Iban menjadi kuat, kebal akan ilmu



**Rajah 5** Warna dan motif.

Sumber: Kerja lapangan di Muzium Sarawak (2022).

sihir dan tabah ketika menempuhi dugaan hidup. Warna hitam (*chelum*) pula ialah warna yang diberi oleh Dewi Ini Manang sebagai azimat untuk melawan kuasa dan roh jahat yang selalu mengganggu kehidupan masyarakat Iban.

Seni pada *perau bangkong* tidak terlalu mengadaptasi motif yang kompleks dalam seni reka perahu seperti perahu candik di Semenanjung Malaysia yang mementingkan kekemasan motif pada bahagian bangau perahu. Motif yang terdapat pada *perau bangkong* pada Rajah 5 adalah untuk mengadaptasi motif flora, iaitu *Bungai Kenunsung* atau dikenali sebagai bunga raya. *Bungai Kenunsung* tidak memiliki makna yang khusus dalam budaya masyarakat Iban, namun dalam konteks nasional negara Malaysia, imej bunga raya ialah lambang bunga kebangsaan. Selain itu, hiasan motif bunga tersebut tidak dipraktikkan teknik mengukir untuk membentuk lekukan dan bentuk pada ornamen perahu.

### ***Perau Bangkong* dalam Kepercayaan dan Ritual**

*Perau bangkong* ialah sebuah material budaya yang berfungsi sebagai pengangkutan air yang digunakan oleh masyarakat tradisional di Nusantara untuk bergerak ke sesuatu kawasan. Kini penggunaan *perau bangkong* dalam budaya masyarakat Iban sudah dilupakan dan tidak dipraktikkan lagi oleh komuniti tersebut kerana semasa Brooke menjajah Sarawak pada tahun 1842, beliau telah membanteras kegiatan memburu kepala dalam budaya orang Iban. Kegiatan memburu kepala khususnya Iban yang

tinggal di Saribas, Skrang dan Batang Lupar dilihat sebagai ancaman yang berbahaya kepada kekuasaannya di Sarawak. Selain itu, pengaruh Kristianisasi turut menjadi faktor mengapa orang Iban tidak mengamalkan budaya maritim menggunakan *perau bangkong* lagi pada masa kini. Oleh itu, keagungan dan kehebatan *perau bangkong* hanyalah tinggal cebisan sejarah dalam kolektif memori masyarakat Iban dalam budaya perangnya. Walau bagaimanapun, demi memelihara dan membudayakan tinggalan khazanah warisan ini, Jabatan Muzium Sarawak telah membawa masuk *perau bangkong* sebagai sebuah maha karya yang wajar dikongsikan kepada umum akan kegemilangannya pada masa lalu bagi tujuan pelestarian identiti dan warisan budaya orang Iban.

*Perau bangkong* dibawa masuk ke dalam Muzium Sarawak perlulah melalui upacara khusus, iaitu upacara miring. Tujuan upacara miring dilakukan adalah sebagai upacara pemberkatan dan bacaan doa untuk kesejahteraan *perau bangkong* tersebut. Upacara ini berkaitan dengan kepercayaan masyarakat Iban yang melihat *perau bangkong* sebagai sakral. Namun begitu, sebelum itu, perahu ini telah melakukan upacara miring dalam beberapa fasa, iaitu bermula dari tahun 1912 selepas Tuai Rumah Anding Dundang membelinya daripada orang Melayu di Saribas. Upacara miring tersebut dilakukan dengan mengorbankan dua ekor ayam



**Rajah 6** *Pesaka Jeman Gensurai Buah Ati Anak Raja, 1921.*

Sumber: Kerja lapangan di Jabatan Muzium Sarawak (2022).



jantan sebagai *genselan* (korban) untuk memanggil semangat pahlawan melalui *leka biau* (jampi) yang terdiri daripada binatang yang kuat dan berbisa seperti *Bunsu Jagu* (dewa buaya), *Bunsu Tedung* (dewa ular tedung) dan *Bunsu Sawa* (dewa ular sawa) supaya perahu tersebut akan bergerak laju dan mengalahkan para musuh. Kemudian, apabila *perau bangkong* diturunkan ke air maka semangat dewa perang seperti Sengalang Burung, Keling Gerasi Nanding dan Bungai Nuing akan diseru dengan menaburkan beras kuning ke dalam perahu agar semangat keberanian dewa-dewa perang ini akan meresap dalam diri panglima Iban yang akan turun berperang kelak. Berdasarkan kolektif memori Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Alfred Jabu Numpang melalui cerita yang disampaikan oleh Badang Numpang kepadanya mengatakan bahawa, dahulu sebelum panglima Iban turun berperang, seekor khinzir betina yang besar akan dikorbankan menjadi *genselan* (persembahan kepada dewa) dan disertai oleh sembilan biji piring yang diletakkan di atas perabung perahu, piring kelima diletakkan di dalam perahu dan piring ketujuh akan diletakkan di belakang perahu.<sup>2</sup>

Apabila adat ngayau telah dimansuhkan oleh James Brooke selepas kekalahan Iban Saribas dan Skrang dalam ekspedisi Perang Beting Marau pada tahun 1845, perahu ini telah disimpan di rumah panjang Gensurai Layar, Betong sebagai harta pusaka keramat. Kekeamatannya kerana amalan ngayau yang merupakan kebudayaan yang diwarisi oleh orang Iban sejak dahulu kala lagi sebagai bentuk pertahanan diri dan berkaitan dengan dunia spiritual mereka. Pada tahun 1980, sebuah upacara miring perau (memberikan persembahan makanan kepada perahu) telah diadakan dan disempurnakan oleh Temenggung Richard Mulok dan Numpang Liman sebelum disimpan dalam koleksi Jabatan Muzium Sarawak. Selain itu, terdapat beberapa upacara miring yang turut dilakukan di rumah panjang tersebut, bagi menandakan hubungan spiritual penduduknya dengan *perau bangkong* tersebut melalui *renong kayau* (syair perang Iban) yang dizahirkan oleh seorang *lemambang* (pendeta) untuk memanggil *Petara Perang* (tuhan perang), iaitu Aki Lang Sengalang Burong. Masyarakat di Gensurai telah mengadakan sebuah upacara Gawai Tanju dengan mengorbankan seekor khinzir lalu menggunakan hatinya untuk upacara menilik nasib. Tujuannya adalah untuk melihat petanda dan penanda akan kebaikan hari tersebut kepada nasib penduduk kampung di Gensurai Layar, Betong dalam aspek rezeki, kesihatan dan kemakmuran hidup. Selepas selesai upacara tersebut, sekumpulan wanita yang diketuai oleh Gulang Anchap dan Chemerai Landoh menyapukan *perau bangkong* tersebut dengan minyak dan bunga hidup sambil menyanyikan mantera sebagai tanda menghormati kuasa leluhur dan memohon keberkatan daripadanya.<sup>3</sup>

### ***Perau Bangkong* dalam Legasi Logistik Perang Iban**

Masyarakat Iban di Sarawak bukanlah penguasa besar untuk mendirikan empayar dunia, namun keberanian dan ketangkasan mereka dalam strategi dan teknik perang diakui oleh sarjana dari Barat. Semasa abad ke-18 dan ke-19, kumpulan etnik seperti Iranun, Balangingi dan Dayak Laut terkenal sebagai penakluk laut di Sungai Sarawak sehingga ke Lautan Sulu. Mereka ini telah menjadi mimpi ngeri bagi pelayar dari Eropah dan China yang belayar di perairan Borneo dan Asia Tenggara. Kewujudan kumpulan-kumpulan ini telah menyebabkan proses perdagangan menjadi sukar dan meresahkan para pedagang dari luar Borneo (Warren, 2002; Ismail & Mosli, 2008).

Salah satu logistik perang yang sangat digeruni oleh para pelayar pada ketika itu ialah *perau bangkong* milik Dayak Laut, terutamanya Iban dari Saribas dan Skrang (Kiyai, 2021). Gelaran *Sea Dayak* atau Dayak Laut ialah gelaran yang diberikan oleh pelayar Eropah, iaitu merujuk masyarakat Iban yang mengamalkan aktiviti memburu kepala dan kemahiran mereka mengawal dan mengemudi perahu panjang (*bangkong*) di perairan Borneo Timur. Walaupun secara habitatnya, orang Iban bukanlah daripada rumpun etnik yang mengamalkan budaya maritim, namun pengaruh pemburuan kepala dan budaya mengembara yang disebut sebagai *Bejalai* memainkan faktor penting memobilisasi mereka dengan lautan (Kiyai, 2021; Ismail, 2019; Sabihah, 1972; Sandin, 1967). Pada tahun 1843, Kapten Henry Keppel yang merupakan komander Kapal H.M.S Dido telah tiba dan menyusur masuk ke Sungai Saribas dan Batang Lupar untuk membuat tinjauan awal lokasi Dayak Laut. Sepanjang perjalanan tersebut, beliau telah melihat beberapa buah perahu besar milik Dayak Laut yang disebut sebagai *bangkong* yang memang digunakan khas oleh masyarakat Iban dalam aktiviti ngayau (Keppel, 1847; Ismail, 2013).

Kemahiran masyarakat Iban mengemudi perahu diakui oleh pihak Eropah akan kehebatannya sehingga mereka digelar sebagai kumpulan “*the Viking of the Northern seas*” di perairan Borneo, walaupun pada zahirnya masyarakat itu tidak menjadikan budaya maritim sebagai kebudayaan dan identiti diri mereka. Lantas itu, Brooke telah melabelkan mereka sebagai Dayak Laut<sup>4</sup> kerana selalunya mereka akan menjalankan operasi semasa tibanya Monsun Barat Daya (Ismail, 2019). Oleh sebab itu kumpulan ini dikenali oleh orang tempatan sebagai “*Lanun Angin*” (Azian & Arba’iyah, 2017). Selain itu, Munsyi Abdullah mencatatkan dengan teliti bagaimana Dayak Iban yang bertatu serta tegap fizikalnya mampu belayar sehingga ke pantai timur Malaya sekitar tahun 1830 dengan perahu mereka yang unik. Berdasarkan Warren (2002) *perau bangkong* ini mempunyai kelajuan yang luar biasa bersandarkan kain luar yang diperbuat daripada kajang kanvas seolah-olah menyerupai kapal perang Eropah. Buktinya, apabila pahlawan Iban dari

Saribas mampu mematahkan cubaan pelanun Iranun menculik wanita-wanita Iban dan kanak-kanak kecil untuk dijual dijadikan hamba abdi selepas melakukan modus operandi rompakkan secara besar-besaran di muara Sungai Saribas.

Selain itu, dahulu terdapat seorang pahlawan Iban yang dikenali sebagai Unggang Lebor Menua yang berasal dari Entanak, Betong memiliki sebuah *perau bangkong* yang sangat besar. Beliau merupakan seorang pahlawan Iban yang terbilang dan menguasai perairan sungai Kuala Saribas sehinggalah ke perairan Tanjung Datu. Semua pelayar yang melalui perairan tersebut tunduk pada kekuasaan Unggang. Perahu *bangkong* ini turut diceritakan dalam catatan Brooke semasa beberapa hari sebelum berlakunya peristiwa Perang Beting Marau pada tahun 1849, apabila Iban Saribas dan Iban Skrang bersama-sama dengan 107 buah perahu Bangkong telah turun melakukan ekspedisi ngayau ke kawasan Dalat dan Matu. Mereka dilaporkan telah menyerang dan menyamun perkampungan dengan membakar, membunuh kaum lelaki dan budak serta memenggal leher mereka, manakala kaum wanitanya telah diculik untuk dijual sebagai hamba.

Menurut informan Sigi Singau (71 tahun) antara kawasan yang terkenal dengan sejarah ngayau menggunakan *perau bangkong* adalah di kawasan empangan Batang Ai di Lubok Antu, Sarawak. Jalur sungai tersebut menghubungkan kawasan Tapang Punga Ulu, Nanga Delok sehinggalah ke Nanga Sumpak yang menjadi laluan air bagi pahlawan Iban di Batang Ai turun melakukan ekspedisi ngayau menggunakan *perau bangkong*. Keadaan geografi di sekitar empangan Batang Ai yang strategik, iaitu memiliki banyak danau tempat pahlawan Iban bersembunyi untuk melakukan serangan hendap terhadap pengayuh perahu, saudagar yang berdagang dan pegawai Brooke yang melalui sungai tersebut. Akibat daripada banyaknya perang dan pertumpahan darah yang terjadi di sekitar kawasan empangan Batang Ai, penduduk di sekitar percaya bahawa kawasan tersebut keras dan berhantu. Perkara ini dijelaskan lagi bahawa mereka sering mendengar pukulan tabuh, iaitu sejenis alat muzik orang Iban yang dipukul bertalu-talu. Sekiranya bunyi tersebut kedengaran di sekitar kawasan empangan Batang Ai, masyarakat setempat akan merujuk kepada *Lembang* (pendeta) untuk mentafsirkan petanda dan penanda sama ada bunyi tersebut membawa tafsiran yang baik atau buruk.

Menurut informan Uma Kujat (71 tahun) dahulu, apabila pahlawan Iban yang digelar Bujang Berani turun berperang, muzik tabuh akan dimainkan dalam *perau bangkong* bagi menandakan kemaraan pahlawan Iban yang turun ngayau. Tujuan muzik tabuh dimainkan adalah untuk meningkatkan motivasi dan integriti pahlawan untuk keluar dengan berani semasa perang. Selain itu, penggunaan muzik tabuh

adalah sebagai satu medium untuk menyeru semangat dan kuasa dewa-dewa perang Iban seperti Dewa Sengalang Burong, Dewa Keling dan Bungai Nuing merasuki jiwa dan tubuh mereka agar kebal dan menang dalam perang. Sekiranya masyarakat yang berada di kawasan sekitar mendengar bunyi tersebut, maka semuanya akan berlari ketakutan dan mencari tempat untuk bersembunyi kerana pahlawan yang datang ialah kumpulan Bujang Berani yang mencari kepala manusia untuk dijadikan antu pala. Pengumpulan antu pala adalah sangat penting pada ketika itu sebagai suatu objek yang berharga kerana dapat membantu pemiliknya untuk mendapatkan kekayaan, perlindungan dan kekuatan secara spiritual.

## KESIMPULAN

Perahu merupakan pengangkutan air hasil kejuruteraan tradisional bagi masyarakat Austronesia sejak dahulu lagi. Kebudayaan ini telah dikembangkan seiring dengan perubahan waktu, iaitu bermula daripada pembangunan yang bersifat ringkas dan kemudian menjadi kompleks sesuai dengan daya intelektual manusia yang mengadaptasi pelbagai faktor budaya dan kesenian. *Perahu bangkong* merupakan identiti, jati diri dan nilai tradisi yang mempunyai sejarah dan kisah yang penting dalam legasi kebudayaan dan kesenian masyarakat Iban di Sarawak. Walaupun masyarakat Iban sudah lama meninggalkan adat ngayau, namun signifikan semangat juang tersebut berupaya untuk membentuk sahsiah diri serta motivasi sosial mereka dalam menongkah arus globalisasi. Kalimat yang lahir dan dizahirkan daripada kisah perjuangan dan peperangan panglima Iban dahulu kala ialah “*agi idup agi ngelaban*” yang membawa maksud selagi hayat dikandung badan, selagi itulah tetap berjuang mekar bersemayam sebagai jati diri masyarakat Iban agar tidak berputus asa dan harapan dalam mengharungi liku-liku kehidupan. Selain itu, kewujudan *perahu bangkong* dalam kebudayaan benda masyarakat Iban adalah sebagai satu lambang dan manifestasi kumpulan etnik tersebut dalam hubungannya dengan manusia sesama manusia serta alam ghaib melalui idea penciptaan, kearifan tempatan, praktis seni dalam objek perahu dan signifikan dalam fungsi serta kebolegunaannya pada masa lalu.

Oleh itu, melalui penyelidikan ini diharapkan mampu untuk mengarkibkan dan memberikan kefahaman tentang identiti masyarakat Iban, iaitu sebagai simbol identiti, jati diri dan nilai tradisi sebuah legasi sejarah perang yang pernah ada dalam kegunaan maritim masyarakat Iban pada suatu masa dahulu.

## NOTA

- 1 Terjemahan: dahulu kala, para pahlawan Iban yang berani turun melakukan ekspedisi memburu kepala musuh akan menggunakan mangkuk kecil sebagai takaran nasi yang dimasak, ini adalah untuk berjimat dan hanya diperlukan untuk mengisi tenaga sahaja.
- 2 Dipetik daripada portal akhbar *Suara Sarawak Online*, 2022. Perau perang Iban beumur 11- taun pesaka tuai ari Gensurai, Betong, <https://suarasarawak.my/2022/03/perau-perang-iban-beumur-110-taun-pesaka-tuai-ari-gensurai-betong/>
- 3 *Ibid*
- 4 Dayak Laut atau *Sea Dayak* merupakan gelaran yang diberikan oleh para penjajah dari Eropah bagi orang Iban di Borneo (Sarawak dan Kalimantan). Gelaran ini diberikan kepada orang iban kerana mereka menjalankan aktiviti ngayau (memburu kepala musuh) di sepanjang perairan sungai Sarawak sehinggalah ke kawasan Banjarmasin, di Kalimantan. (Sila rujuk Sandin, 1967).

## PENAFIAN DAN PENGHARGAAN

Semua gambar yang terdapat dalam makalah ini ialah hak milik sepenuhnya Jabatan Muzium Sarawak. Penggunaan gambar ini adalah bertujuan untuk pembangunan ilmu kebudayaan dan kesenian tentang objek budaya masyarakat Iban, iaitu *perahu bangkong* dan tidak digunakan untuk tujuan komersial atau sebaliknya kecuali bagi tujuan akademik semata-mata. Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Muzium Sarawak atas keizinan menggunakan gambar perau bangkong untuk makalah ini. Ucapan terima kasih juga kepada informan atas kerjasama yang telah diberikan.

## RUJUKAN

- Ali Akbar. (2014). Cultural resource management for Majapahit Kingdom site in Trowulan, East Jawa, Indonesia. *Conservation & Management of Archaeological Sites*, 16(4), 297–307.
- Asmoro, N., Anwar, S., & Maarif, S. (2021). Peran intelijen dan perang psikologis pada agresivitas kampanye militer kekaisaran Genghis Khan. *Historia: Jurnal Pendidikan dan Peneliti Sejarah*, 4(2), 151–158.
- Azian Tahir & Arba'iyah Mohd Noor. (2017). Visual operasi menghapus serangan lanun di Nusantara dari laporan *The Illustrated London News*, 1845-1872. *SEJARAH: Journal of The Department of History*, 22(2), 36–54.
- BDH. (1984). Ten important books: Logistical history. *The Army Historian*, 14–16.
- Bellwood, P. (1991). The Austronesian dispersal and the origin of languages. *Scientific American*, 265(1), 88-93.
- Christopher, M. (2016). *Logistics & supply chain management*. Pearson Uk.

- Curnoe, D., Datan, I., Taçon, P. S., Leh Moi Ung, C., & Sauffi, M. S. (2016). Deep skull from Niah Cave and the pleistocene peopling of Southeast Asia. *Frontiers In Ecology and Evolution*, 4, 75.
- Dickson, M.J. (1956). *Sarawak and Its People*. Kuching.
- Farish A. Noor & Khoo, Eddin. (2003). Spirit of wood: The art of Malay woodcarving. Periplus Edition (HK) Ltd.
- Gerke, S., & Evers, H. D. (2011). Selat Melaka: Jalur sempit perdagangan dunia. *Akademika*, 81(1), 5-14.
- Grassby, R. (2005). Material culture and cultural history. *Journal of Interdisciplinary History*, 35(4), 591–603.
- Harrison, T. (1964). 50. Monochrome glass beads from Malaysia and elsewhere. *Man*, 37-41.
- Harrison, T. (1996). The palaeoecological context at Niah Cave, Sarawak: Evidence from the primate fauna. *Bulletin Of The Indo-Pacific Prehistory Association*, 14, 90-100.
- Hanson, W. E., Creswell, J. W., Clark, V. L. P., Petska, K. S., & Creswell, J. D. (2005). Mixed methods research designs in counseling psychology. *Journal of counseling psychology*, 52(2), 224.
- Hides, S. (2013). *The genealogy of material culture and cultural identity*. In *Cultural identity and archaeology*. Routledge.
- Ismail Ali & Mosli Tarsat. (2008). The Iranun in Borneo: Pirates or heroes from the maritime perspective. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 16(16), 27–38.
- Ismail Ali. (2013). Perburuan hamba, perlanunan, dan kempen penghapusan lanun di Sarawak: Perspektif sejarah maritim. *SUSURGALUR*, 1(1), 27–40.
- Ismail Ali. (2019). The hegemony of the vikings of the Eastern Seas in Borneo during the 18th and 19th century. *INSANCITA*, 4(1), 55–76.
- Khasanah, L. I. (2017). Pelabuhan Kambang Putih Pada Masa Majapahit Tahun 1350-1389. *Avantara: E-Journal Pendidikan Sejarah*, 5(2), 402-417.
- Kedit, Peter Mulok. (1987). *Iban bejalai* (Unpublished Doctoral dissertation). University of Sydney.
- Kimwah, J., Arus, B. M., Fun, H. K. N., Kimjik, A. I., & Mambut, N. (2018). Tinjauan Awal Terhadap Lukisan Gua Kain Hitam (The Painted Cave) Niah, Sarawak: Initial Observation of Cave Painting At Gua Kain Hitam In Niah, Sarawak. *Jurnal Gendang Alam (Ga)*, 8, 85-85.
- Kimwah, J., Jusilin, H., & Sahibil, Z. (2020). Kain Hitam Cave (Painted Cave) Niah, Sarawak: The relationship of boat-shaped coffin and rock painting. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 5(S13), 319-325.
- Kimwah, J., & Baharudin Mohd Arus, B. M. (2021). Imej anthropomorphic dalam Gua Kain Hitam (Painted Cave) Sarawak: Anthropomorphic images in the Painted Cave Sarawak. *Jurnal Gendang Alam (Ga)*.
- Kiyai, G. (2021). Sejarah budaya ngayau dalam masyarakat Iban di Sarawak: Ngayau culture in the Iban community in Sarawak. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 6(1), 121–137.

- Kiyai, G. (2021). Tampun Juah: Lagenda peradaban awal masyarakat Dayak Iban yang hilang: Tampun Juah: An early studies of the lost Dayak Iban civilisation. *Jurnal Peradaban*, 14(1), 54–90.
- Kiyai, G. (2022). Perang Beting Marau 1849: Kemuncak kepada konflik Iban Dan Rajah Brooke. *Zulfaqar Journal of Defence Management, Social Science & Humanities*, 5(2).
- Kane, T. M. (2012). *Military logistics and strategic performance*. Routledge.
- Mohd Nasrulamiazam Mohd Nasir & Asyaari Muhamad. (2018). Sejarah ukiran kayu dan hiasan perahu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(3), 2018.
- Muhammad Nasron Yaacob. (2021). Historiografi ideologi moden Barat: Suatu pengenalan. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 4(1), 38-52.
- Mundy, Ridney. (1848). *Narrative of events in Borneo and Celebes Doen to the occupation of Labuan from the journal of James Brooke*. John Murray.
- Nazaruddin Ali Basyah & A Razak Zulfadhli (2020). Metode kualitatif dalam riset bisnis: Satu tinjauan. *Jurnal Economica Didactica*, 2(01), 15–24.
- Oppenheimer, S. (2003). Austronesian spread into Southeast Asia and Oceania: Where from and when. *Pacific archaeology: Assessments and prospects*, 55–70.
- Palli, O., Riginos, G., & Lamprou, V. (2016). *Local elites in West Roman Greece: The evidence from Thesprotia and Preveza*. In *official power and local elites in the Roman provinces*. Routledge.
- Payne, Robert. (1991). *The White Rajahs of Sarawak*. Oxford University Press.
- Sabihah Othman. (1972). Keadaan masyarakat bumiputera Sarawak pada abad kesembilan belas: Satu tinjauan sejarah. *Malaysia in History*, 15(2), 3–13.
- Sandin, Benedict. (1967). *The Sea Dayaks of Borneo before White Rajah rule*. MacMillan.
- Skoglund, P. (2012). *Sourcing decisions for military logistics in Peace Support Operations: A case study of the Swedish armed forces* (Unpublished Doctoral dissertation). Jönköping International Business School.
- Septiasari, Y. (2019). *Latar belakang penurunan jabatan Laksamana Yi Sunshin dalam Perang Imjin* (Unpublished Doctoral dissertation). Universitas Nasional.
- Setiawan, P. (2010). *Gambar Cadas Kutai Prasejarah: Kajian pemenuhan kebutuhan terpadu dan komunikasi rupa* (Unpublished Phd Thesis). Fakultas Seni Rupa Dan Desain, Bandung Institute Of Technology, Bandung.
- Suara Sarawak Online. (2022). *Perau Iban beumur 110 taun pesaka tuai ari Gensurai, Betong*. Di akses pada 10 March 2022. <https://suarasarawak.my/2022/03/perau-perang-iban-beumur-110-taun-pesaka-tuai-ari-gensurai-betong/>
- Tabrani, P. (2014). Punden Berundak, Toba Purba, Banjir Besar, Wawasan Nusantara, Gunung Padang. *Jurnal Budaya Nusantara*, 1(2), 102-120.
- Wan Rosli Abd Majid & Norhanizah Ismail. (2006), “*Harapan Bagi Keamanan Dunia*” dalam *Majalah Kefahaman Islam VISI*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

- Webster, N. (1993). *Webster's seventh new collegiate dictionary*. G. & C. Merriam Company.
- Warren, James Francis. (2002). *Iranun and Balangingi: Globalization, maritime raiding and the birth of ethnicity*. New Day Publishers.